KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# TEKS UCAPAN

## YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
## KETUA SETIAUSAHA
## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SEMPENA

## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
## SEKOLAH ANGKAT MADANI
## SMK PUTRA, KANGAR, PERLIS

## 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

**SALUTASI**

***(salutasi akan dikongsikan secara berasingan)***

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat bersua kembali di dewan yang mulia ini bagi menyempurnakan **Majlis Penyerahan Projek Sekolah Angkat MADANI Tahun 2026 bagi SMK Putra**.

2. Beberapa bulan yang lalu, kita bermula di sini dengan sesi perbincangan dan tinjauan tapak untuk merangka pelan pelaksanaan **Program Sekolah Angkat MADANI** bagi sekolah ini. Perbincangan awal bersama pihak sekolah, PIBG serta Jabatan Pendidikan Daerah dilaksanakan dengan mengenalpasti ruang-ruang untuk ditambah baik terutamanya melibatkan fasiliti dan infrastruktur yang menjamin keselamatan dan kebajikan pelajar di sekolah ini. Alhamdulillah, hari ini, kita berbangga dapat melihat segala perancangan tersebut telah pun berjaya direalisasikan sepenuhnya.

## LATAR BELAKANG & DASAR PROGRAM SAM

3. Program Sekolah Angkat MADANI ini juga bertitik tolak daripada kerangka Ekonomi MADANI yang bertunjangkan prinsip "**Menaikkan Lantai: Program Untuk Rakyat**". Ia merupakan satu inisiatif strategik Kerajaan, hasil ilham YAB Perdana Menteri bagi memperkukuh agenda perpaduan nasional serta pembangunan komuniti bermula dari peringkat akar umbi.

4. Melalui dasar Program Sekolah Angkat MADANI ini, Kerajaan memfokuskan kepada pembangunan holistik bukan sahaja menyasarkan lonjakan akademik semata-mata, malah turut memastikan penyediaan infrastruktur asas yang lebih selamat, selesa, dan kondusif untuk anak-anak kita menimba ilmu.

5. Kementerian Perpaduan Negara amat berbesar hati untuk memilih SMK Putra sebagai sekolah angkat di bawah seliaan kami bagi tahun 2026 dan seterusnya menterjemahkan segala dasar dan perancangan kepada realiti pelaksanaan projek dan program.

## IMBAS KEMBALI KEJAYAAN PROJEK

6. Menerusi **peruntukan Kerajaan sebanyak RM100,000 yang diluluskan di bawah Kementerian Perpaduan Negara, kita telah berjaya mentransformasikan persekitaran pembelajaran di SMK Putra.**

7. Kita telah berjaya menyelesaikan isu-isu kritikal keselamatan dan keselesaan pelajar melalui penggantian bumbung laluan pejalan kaki, pembaikan Makmal ICT, baik pulih tandas, dan penggantian cermin serta pintu tandas yang rosak. Bukan itu sahaja, kemudahan sukan telah dipertingkat dengan kelengkapan peralatan gimnasium dan Taman Sekolah Angkat MADANI yang ceria kini sedia untuk dimanfaatkan oleh semua.

8. Pembangunan ini tidak hanya terhenti pada binaan fizikal. Sebahagian dana turut dilaburkan untuk melahirkan modal insan cemerlang melalui penganjuran Kem Munajat bagi calon SPM dan STPM, serta program Latihan dan Pembangunan untuk memperkasakan kompetensi para guru kita. Semua ini dilaksanakan berlandaskan satu matlamat iaitu memastikan lebih 1,000 orang pelajar di SMK Putra mendapat akses pendidikan dalam persekitaran yang selamat, selesa, dan berprestasi tinggi.

## HARAPAN & AMANAT

Warga SMK Putra yang saya kasihi,

9. Penyerahan projek pada hari ini merupakan simbolik kepada amanah dan harapan besar Kerajaan terhadap sektor pendidikan negara ini. Saya memohon agar pihak sekolah, PIBG, dan anak-anak pelajar sekalian menanam rasa kekitaan (*sense of ownership*) yang tinggi terhadap kemudahan yang telah disediakan. Jagalah infrastruktur ini dengan sebaik-baiknya agar ianya berkekalan dan dapat dinikmati oleh generasi pelajar yang seterusnya.

10. Kepada semua pelajar, jadikanlah kemudahan baharu ini sebagai pembakar semangat untuk anda terus fokus mengulang kaji pelajaran dan aktif dalam kokurikulum. Buktikan bahawa inisiatif kecil Kerajaan ini menjadi pemangkin yang besar dengan mempamerkan kecemerlangan sahsiah dan akademik yang membanggakan diri pelajar, keluarga, sekolah dan negara.

## PENUTUP

11. Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Pendidikan Negeri, Tuan Pengetua, barisan

pendidik, PIBG, JPNIN Negeri Perlis, Yayasan Sukarelawan Siswa dan semua agensi dan jabatan yang telah bertungkus-lumus memastikan projek ini direalisasikan dan siap mengikut jadual sama ada secara langsung atau tidak langsung. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

12. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya berkongsi serangkap pantun.

Bunga Melati Menghias Taman,
Tumbuh Subur Di Tepi Muara,
Projek SAM Kini Diserahkan,
Membawa Berkat Buat SMK Putra.

Dari Putrajaya Ke Kuala Perlis,
Laksanya Sedap Tidak Terkata,
Selesai Sudah Sempurnanya Majlis,
Semoga “Sederap Putra Ke Mercu” menjadi Nyata.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini menyerahkan secara rasmi kemudahan Projek Sekolah Angkat MADANI Tahun 2026 kepada warga SMK Putra. Semoga SMK Putra terus cemerlang, selari dengan moto kebanggaan anda, "Sederap Putra Ke Mercu".

Sekian, Wabillahitaufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.